



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES



SIARAN MEDIA

UDA BERKOLABORASI DENGAN HARIAN METRO BAGI PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

PUTRAJAYA, 1 Oktober 2020 – UDA Holdings Berhad (UDA) syarikat pemaju hartanah yang bakal menuju usia 50 tahun pada 2021, sekali lagi mengambil langkah proaktif dengan menjalankan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) berkolaborasi dengan akhbar Harian Metro.

Satu majlis ringkas penyerahan cek CSR tersebut telah berlangsung di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) di sini, hari ini. Cek berjumlah RM50,000 itu diserahkan oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Menerusi kolaborasi ini, UDA berharap dapat mengeratkan lagi hubungan bersama pihak Harian Metro dan dalam masa yang sama dapat membantu golongan yang memerlukan. Sebanyak RM50,000.00 diperuntukkan bagi menjayakan program ini yang merangkumi wang zakat dan wang sumbangan.

Kerjasama ini juga adalah sebahagian daripada tunggak utama (*pillar*) CSR UDA iaitu UDA Cares Project RE_ yang memfokuskan kepada komuniti media. Program seumpama ini adalah julung kalinya diadakan dan UDA berbesar hati dapat menjalankan program CSR bersama Harian Metro. Harian Metro yang terkenal dengan program CSR tahunannya iaitu Titipan Kasih Harian Metro bakal ke salah satu kawasan pembangunan UDA bagi mengagihkan bantuan kepada golongan asnaf yang layak. Sebanyak RM20,000 zakat bakal diagihkan menerusi usaha sama ini dan sebanyak 5 buah rumah anak yatim akan dipilih. Satu majlis penyerahan akan diadakan di salah sebuah rumah terpilih dan lokasi serta tarikh akan dimaklumkan kelak.

Hadir bagi menerima cek tersebut bagi pihak Harian Metro ialah YB Datuk Dr. Syed Hussian Aljunid, Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad. Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan cek tersebut ialah YB Datuk Wira Hajjah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha MEDAC, YBhg. Dato' Jalaluddin Alias, Pengerusi UDA, Encik Mohd. Salem Kailany, Ketua Pegawai Eksekutif UDA, Encik Mustapha Kamil Mohd Janor, Pengarah Eksekutif, Operasi Berita dan Editorial Media Prima Berhad / Ketua Pegawai Eksekutif Interim NSTP dan Encik Husain Jahit, Pengarang Kumpulan Harian Metro.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI